

Abdullah mampu tadbir negara dengan cemerlang — Syed Razak

BALING 2 Nov. — Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yakin Perdana Menteri kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru dilantik dua hari lalu dapat mentadbir dan mengurus negara ini dengan cemerlang.

Beliau percaya Abdullah mampu merealisasikan Wawasan 2020 yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad demi kemajuan negara pada masa depan.

Malah menurutnya, melalui kecekapan Abdullah itu juga dapat membantu Kedah untuk menjayakan pelan pembangunan Kedah Maju 2010.

“Abdullah yang mempunyai latar belakang dari keluarga yang berpendidikan agama juga dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan untuk membela nasib rakyat terutamanya masyarakat luar bandar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyerahan bantuan banjir kepada petani dan penternak negeri Kedah di Padang Awam Kuala Ketil di sini hari ini.

Majlis penyerahan bantuan banjir itu dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Syed Razak menambah, Abdullah juga mampu memelihara perpaduan kaum untuk kesejahteraan negara pada masa depan.

“Kerajaan dan rakyat negeri ini akan memberi sokongan padu kepada Abdullah bagi memastikan kelancaran pentadbiran Perdana Menteri yang baru itu,” ujarinya.

Dalam pada itu, beliau yang mewakili rakyat negeri ini terutamanya petani dan penternak di negeri ini yang terlibat dengan banjir baru-baru ini mengucapkan terima kasih kepada Abdullah kerana meluluskan peruntukan bagi memberi bantuan mangsa banjir itu dalam tempoh yang cepat.

Menurutnya, melalui bantuan tersebut dapat meringankan beban mangsa-mangsa banjir itu untuk meneruskan kehidupan mereka seperti biasa selepas kejadian bencana alam tersebut.